



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

WANITA BANGKIT DEMI MENJAMIN HARAPAN DAN MASA HADAPAN

Kuala Lumpur, 20 Oktober – Demi harapan, aspirasi dan masa depan wanita di negara ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan **melancarkan program 'Wanita Bangkit'** pada 21 Oktober 2021 yang menjurus kepada aspek penjanaan pendapatan, peluang pekerjaan dan pemerksaan ekonomi untuk wanita.

Datuk Seri Mohd Rina Mohd Harun berkata, program tersebut akan dilancarkan dengan kerjasama beberapa syarikat korporat yang bersetuju menjadi rakan strategik KPWKM (*collaborative partnership*) untuk menjayakan misi dan visi program Wanita Bangkit.

Pelbagai platform akan disediakan untuk wanita melalui program Wanita Bangkit ini bagi memastikan masa depan mereka 'lebih tersusun dan terancang' melalui proses pemerksaan ekonomi untuk membimbing diri masing - masing.

Tambah Datuk Seri Rina, ketika negara dilanda krisis COVID-19, beliau sendiri telah melihat dan melalui pelbagai detik yang cukup mencabar dan menyedihkan mengenai permasalahan wanita di negara ini.

“Setiap kali saya turun padang untuk menyampaikan bantuan Bakul Makanan dan juga bantuan kerajaan yang lain, saya sering mendengar

nasib kehidupan kisah benar wanita akibat kesan daripada COVID-19. Ramai yang hilang kerja, punca pendapatan, hilang arah tuju dan turut melalui tekanan mental, emosi dan sebagainya. Saya boleh menyelami perasaan mereka. Saya memahami suara dan bisikan hati mereka”, ujar Datuk Seri Rina Harun.

“Saya akui bukan senang untuk melalui cabaran sebegini dalam kehidupan yang serba mencabar ini. Cukup kritikal dan terseksa. Kita perlu berikan sokongan, bimbingan dan motivasi untuk mereka ‘bangkit’ mara ke hadapan”, tambah beliau lagi.

Bagi meringankan beban kumpulan wanita yang memerlukan sokongan, KPWKM akan menyediakan **pelan pemerkasaan diri** yang komprehensif supaya mereka dapat menjana pendapatan melalui peluang pekerjaan ataupun perniagaan yang disediakan melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat terpilih.

Program Wanita Bangkit ini juga akan berfungsi sebagai **platform pusat sehenti** (*one stop centre*) dimana wanita-wanita yang terpilih akan dilatih, dibimbing dan diberikan peluang kerjaya. Selain itu, usahawanita yang sudah berjaya akan dijadikan suri tauladan atau ‘role model’ kepada wanita-wanita tersebut.

“Wanita Bangkit ini asalnya adalah cetusan idea yang saya perolehi semasa turun ke lapangan menyantuni kumpulan sasar KPWKM dan memahami keperluan mereka. Saya telah memberi taklimat terperinci kepada YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan kepentingan program ini yang mampu menjadi pemangkin utama dalam Aspirasi Keluarga Malaysia”, tambah beliau.

Demi mencapai sasaran program, **KPWKM telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan syarikat bagi memastikan pemantauan yang efektif** untuk menjamin masa depan wanita di negara ini.

Sebagai permulaan lebih daripada **2,000 wanita disasarkan** akan mendapat peluang dalam penjanaaan pendapatan dan pekerjaan.

Bagi memantau pelaksanaan program, satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dianggotai wakil-wakil syarikat, pemimpin-pemimpin NGO wanita serta agensi-agensi kementerian lain yang berkaitan.

Kementerian juga bersedia untuk mendengar cadangan dan pandangan yang berbentuk konstruktif untuk memperhebatkan lagi program Wanita Bangkit ini supaya ianya menjadi penggerak dan pemacu kepada Aspirasi Keluarga Malaysia.

Datuk Seri Rina Mohd Harun berharap lebih banyak lagi syarikat dapat tampil ke hadapan bekerjasama dengan KPWKM untuk menjayakan visi ini bagi jangka masa panjang.

###

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 20 Oktober 2021